



**MODUL AURAL DAN NYANYIAN SEMERTA 1 UNTUK PELAJAR PROGRAM
PERSEDIAAN IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PPISMP)
OPSYEN MUZIK DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(IPGKPM)**

NUR AKMAR BINTI MOHD YUSOF



**LAPORAN PEMBANGUNAN PRODUK YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2011**





PENGAKUAN

Saya mengaku kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



16 Mei 2011

NUR AKMAR BINTI MOHD YUSOF
M20081000002





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.



16th May 2011

NUR AKMAR BINTI MOHD YUSOF
M20081000002





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, segala puji-pujian hanya untuk Allah. Saya bersyukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana telah memberi kesihatan yang baik dan ruang masa yang secukupnya sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini dengan sempurna bagi memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya nukilkan kepada pensyarah penyelia saya, Profesor Madya Zaharul Lailiddin bin Hj. Saidon yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, panduan serta sokongan yang berterusan tanpa jemu kepada saya dalam usaha menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada dekan, pensyarah dan semua kakitangan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dalam kerangka masa yang ditetapkan.

Ungkapan terima kasih dikalungkan kepada bekas Pengetua SMK Taman Keramat, Puan Normah binti Omar, bekas Penolong Kanan Petang, Puan Noraini binti Nordin yang sentiasa memahami dan memberi ruang masa dan sokongan padu kepada saya bagi menyiapkan projek ini. Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan buat sahabat baik saya Puan Kalsom binti Jab, rakan seperjuangan, Puan Shazana binti Mohd Sutan, Cik Tengku Irdayani binti Raja Sutan Sabidin, yang telah memberi saya semangat dalam menyiapkan kerja projek ini. Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan lain yang secara tidak langsung telah memberi suntikan sokongan dan semangat kepada saya. Kerjasama kalian telah membantu mempercepatkan proses menyiapkan kerja projek ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibubapa tercinta, adik-adik saya, suami tersayang serta anak-anak yang dikasihi kerana sangat memahami dan berkorban masa untuk mamanya ini sepanjang tempoh pengajian. Semoga Allah (S.W.T) memberkati kehidupan semua atas keprihatinan, kesediaan memahami dan kasih sayang yang telah dicurahkan. Kejayaan menggapai ijazah sarjana ini adalah kejayaan milik kita bersama, Alhamdulillah.





ABSTRAK

Laporan projek pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta 1 ini disediakan untuk memenuhi keperluan kursus SPM 6006 dalam Program Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Modul ini ditulis khusus untuk para pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) jurusan Pendidikan Muzik yang sedang mengikuti kursus ini di beberapa kampus Institusi Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia (IPGKPM) yang menawarkan major Pendidikan Muzik. Namun demikian modul ini juga boleh digunakan oleh pelajar-pelajar Pendidikan Muzik di institusi-institusi lain. Dengan adanya modul ini, pengajaran dan pembelajaran akan lebih mudah, berkesan dan lancar. Pensyarah dapat menggunakan modul ini semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah latihan yang disediakan dan CD audio yang disertakan juga akan membantu pensyarah dan pelajar menguasai kemahiran aural dan nyanyian semerta dengan lebih berkesan. Untuk tujuan penilaian produk yang dihasilkan, soal selidik telah dijalankan terhadap dua orang pensyarah Muzik. Dapatan soal selidik menunjukkan kesemua responden sependapat dan bersetuju dengan segala aspek berkaitan produk yang dihasilkan. Terdapat cadangan-cadangan untuk penambahbaikan dalam bahagian akhir penulisan ini.





ABSTRACT

The report on the Aural and Sight Singing 1 Teaching and Learning Module development project is done to fulfil the SPM 6006 course requirement in the Master of Education (Music Education), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This module is designed specifically for students in the Preparatory Programme (PPISMP), majoring in Music Education, who are currently undergoing this course in several Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia (IPGKPM) campuses. Besides that, this module can also be used by students from other institutions of higher learning who are majoring in Music Education. This module, which is simple, effective and facile, ensures the success of the teaching and learning process. The training method and the audio CD provided will assist lecturers and students to acquire the aural and sight singing skills more effectively. In the process of evaluating this module, a set of questionnaire is given to two music lecturers. The results show that both lecturers have the same opinion and most importantly, both of them agree on the effectiveness of this module. The findings also show that the respondents agree with all aspects related to the module. The respondents also suggested some improvements which could be applied to improve this module.



KANDUNGAN

Muka Surat

<i>Pengakuan</i>	<i>ii</i>
<i>Declaration</i>	<i>iii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>iv</i>
<i>Abstrak</i>	<i>v</i>
<i>Abstract</i>	<i>vi</i>
<i>Kandungan</i>	<i>vii</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>x</i>
<i>Senarai Rajah</i>	<i>xi</i>

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Projek	3
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Tujuan Projek	5
1.5	Objektif Projek	5
1.6	Batasan Projek	6
1.7	Definisi Istilah	6
1.7.1	Modul pengajaran dan pembelajaran	6
1.7.2	Nyanyian semerta	6
1.7.3	Pelajar PISMP	7
1.7.4	Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (IPGKPM)	7
1.7.5	Guru muzik	7
1.8	Rumusan	8

BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

2.1	Pengenalan	9
2.2	Mendapatkan dan Mengumpul Data Berkaitan Modul	9

2.2.1	Soal Selidik	10
2.2.2	Bahan-bahan Yang Berkaitan Dengan Modul	10
2.3	Mengklasifikasikan Maklumat atau Data Yang Diperoleh	11
2.4	Menetapkan Topik Berdasarkan Kategori	11
2.5	Menulis Data Mengikut Kategori atau Kandungan Bab	11
2.6	Menyunting Data Mengikut Kategori atau Kandungan Bab	12
2.7	Kerangka Kerja Menghasilkan Modul	14
2.8	Rumusan	15

BAB 3 HURAIAN PRODUK

3.1	Pengenalan	16
3.2	Bentuk dan Objektif Produk Yang Dibangunkan	16
3.3	Isi Kandungan Modul	17
3.4	Rumusan	24

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN PRODUK

4.1	Pengenalan	26
4.2	Latar Belakang Responden	26
4.3	Analisis Dapatan Soal Selidik	28
4.4	Pengalaman Sebagai Guru Muzik	29
4.5	Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta dengan Penggunaan Teknologi	30
4.6	Tanggapan Awal Responden ke Atas Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta dan Penggunaannya Sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM)	30
4.7	Kesesuaian Susunan Bab-bab Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta	31

4.8	Penerangan Lengkap Disusuli Dengan Gambar Grafik	31
4.9	Rumusan	32

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	34
5.2	Ringkasan Produk	34
5.3	Fungsi Produk	38
5.4	Sasaran Pengguna	38
5.5	Perbincangan Kekuatan dan Kelemahan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta 1	39
5.5.1	Kekuatan Produk Yang Dibangunkan	39
5.5.2	Kelemahan Produk	41

 05-4506832	 5.6 Cadangan-cadangan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 43	ptbupsi
5.7	Rumusan			44	
	Rujukan			45	
	Lampiran				

SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

3.1	Isi Kandungan Produk	18
4.1	Latar Belakang Responden Pertama	27
4.2	Latar Belakang Responden Kedua	28
5.1	Susun Atur Bahagian Teks	35

SENARAI RAJAH

Rajah

Muka Surat

2.1	Model Kerangka Kerja Menghasilkan Projek
-----	--

14



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk menjadikan Pendidikan Muzik sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada peringkat sekolah rendah di Malaysia. Perkembangan ini juga adalah ekoran daripada pendapat ramai bahawa sistem pendidikan di Malaysia ketika itu sudah tidak sesuai lagi kerana terlalu banyak memberi tekanan kepada mata-mata pelajaran akademik dan peperiksaan sahaja. Pusat Perkembangan Kurikulum telah ditugaskan untuk merancang satu sukatan pelajaran muzik untuk tahun satu hingga tahun tiga yang dinamakan Tahap Satu. Program KBSR ini telah diuji pada tahun 1982 di beberapa buah sekolah yang terpilih dan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1983. Maka tahun 1983 merupakan satu detik sejarah yang amat penting bagi Pendidikan Muzik di Malaysia. Mulai 1983 bermulalah era Pendidikan Muzik sekolah rendah di Malaysia (*Johami Abdullah, 1993*).

Kemudiannya Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah memperkenalkan mata pelajaran muzik di peringkat sekolah menengah sebagai Projek Rintis mulai tahun 1996.

Mulai tahun 2001 mata pelajaran Pendidikan Muzik ini telah menerima status mata pelajaran wajib di peringkat sekolah menengah rendah manakala di peringkat





menengah atas mata pelajaran ini telah dijadikan mata pelajaran elektif. Di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, mata pelajaran ini telah dijadikan salah satu pilihan elektif dalam mata pelajaran Kumpulan Kemanusiaan.

Mata pelajaran Pendidikan Muzik ini menjadi semakin penting dan sukatan untuk pelajaran Pendidikan Muzik ini telah diperbaharui pada tahun 2004 selaras dengan matlamat *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan Pendidikan Muzik, antaranya melalui institusi pendidikan.

Bagi memastikan bakal-bakal guru keluaran akan datang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang aural dan nyanyian semerta, maka satu mekanisme yang sistematik perlu dihasilkan. Ia adalah untuk memastikan bakal-bakal guru ini mempunyai kemahiran yang tinggi sebagai persediaan mereka menyampaikan ilmu muzik kelak.



ditulis khusus kepada para pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Dengan Kepujian pengajian 4 tahun jurusan Pendidikan Muzik–Pendidikan Rendah yang sedang mengikuti kursus ini di beberapa kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia yang menawarkan major Pendidikan Muzik. Namun demikian modul ini boleh dimanfaatkan oleh pelajar–pelajar opsyen muzik di institusi–institusi lain.

Modul ini adalah bagi menyokong pembelajaran kursus Aural dan Nyanyian Semerta 1 yang diambil oleh para pelajar ini semasa pengajian di semester 1, tahun 1. Dengan adanya modul ini, pengajaran dan pembelajaran kursus ini akan lebih mudah, berkesan dan lancar. Pensyarah dapat menggunakan modul ini semasa sesi pengajaran. CD audio yang disediakan juga akan membantu pensyarah dan pelajar menguasai kemahiran aural dan nyanyian semerta dengan lebih berkesan. Apabila kemahiran aural





dan nyanyian semerta dapat dikuasai, bakal guru muzik akan lebih berkeyakinan dalam menyanyikan sebarang lagu daripada mana-mana skor lagu tanpa bantuan alat muzik.

1.2 Latar Belakang Projek

Projek menghasilkan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta 1 untuk pelajar PPISMP opsyen muzik di Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk membantu pelajar-pelajar dalam kemahiran aural dan nyanyian. Ia adalah kemahiran asas yang diperlukan selain dari pengetahuan teori, nyanyian, pergerakan mengikut muzik dan permainan alat muzik tertentu seperti rekoder, gitar dan kibod.



Perkembangan semasa berkaitan keperluan kurikulum dan kemajuan teknologi telah memperlihatkan peningkatan tentang kaedah penyampaian ilmu dan kemahiran kepada pelajar-pelajar .

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran nyanyian dalam kalangan guru muzik dilihat sebagai keperluan paling asas kerana ‘alat muzik’ untuk kemahiran ini, iaitu suara, sememangnya telah ada pada semua guru muzik, dan dibawa ke mana sahaja. Boleh dikatakan semua guru muzik mampu menyanyi lagu dengan baik kecuali dalam kes-kes terpencil. Penilaian atau penafsiran tentang kebolehan ‘menyanyi dengan baik’ merujuk kepada kebolehan menyanyi dengan





pic yang tepat, irama dan tempo yang betul serta mengamalkan teknik-teknik nyanyian yang betul.

Walaupun semua guru muzik terlatih boleh menyanyi dengan baik, namun kemahiran menyanyi secara semerta di kalangan guru-guru muzik masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Dalam erti kata lain, kebanyakan guru muzik ini tidak mempunyai kemahiran menyanyi secara semerta yang baik. Keadaan ini akan memberi impak terhadap keberkesanan pengajaran guru tersebut khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran nyanyian serta aktiviti kokurikulum yang melibatkan nyanyian seperti koir atau nasyid. Seterusnya, ia akan turut menjejaskan kualiti penghasilan pelajar yang mempunyai kemahiran muzikal di dalam sistem pendidikan. Secara tidak langsung, masalah ini akan menyebabkan minat pelajar terhadap subjek Pendidikan Muzik mungkin



Kepincangan yang berlaku ini berkemungkinan disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah kaedah latihan yang diterima daripada institut latihan perguruan. Pendekatan, kaedah dan amalan yang dipraktikkan dalam pengajaran nyanyian di institut perguruan telah sedikit sebanyak menjejaskan peningkatan kemahiran pelajar dan seterusnya mengurangkan minat mereka untuk berlatih secara lebih intensif. Justeru, satu sistem latihan nyanyian yang lebih menekankan kepada kemahiran membaca dan menyanyi secara semerta perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan guru-guru muzik keluaran akan datang mempunyai kemahiran menyanyi semerta dengan baik. Kemahiran ini sangat diperlukan oleh seseorang guru muzik kerana tugas beliau memerlukan kemahiran menterjemah lagu-lagu baru yang belum pernah didengar melodinya. Sekiranya kemahiran nyanyian semerta beliau adalah baik, maka sudah pasti mereka





boleh terus menyanyikan lagu tersebut dengan mudah tanpa memerlukan sebarang alat muzik bagi memainkan melodinya.

1.4 Tujuan Projek

Projek yang dicadangkan ini bertujuan untuk membangunkan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta 1 bagi kegunaan guru pelatih opsyen muzik di IPGKPM. Secara khususnya, objektif projek ini adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan satu buku panduan bagi kegunaan guru pelatih opsyen Pendidikan Muzik dan pensyarah muzik di Institut Pendidikan Guru Malaysia yang meliputi pendekatan latihan nyanyian semerta yang sistematik disertakan dengan rakaman CD audio sebagai bahan bantu belajar.
- ii. Mendapatkan respon dan maklum balas guru-guru pelatih dan pensyarah muzik di IPGM terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aural dan Nyanyian Semerta 1 yang dibangunkan.



1.5 Objektif Projek

Projek yang dicadangkan ini mempunyai objektif berikut:

1. Menyediakan satu siri latihan solfa secara berperingkat, daripada yang mudah kepada yang agak sukar sehingga 1 syap dan 1 flet.
2. Menyediakan satu kaedah secara bersiri bagi mengesan not tonik dan pic permulaan setiap lagu yang akan dinyanyikan secara solfa.
3. Menyediakan skor-skor lagu pendek dan mudah untuk latihan nyanyian semerta nada major sehingga 1 syap dan 1 flet.
4. Menyediakan skor-skor lagu dengan lirik dalam nada major sehingga 1 syap dan 1 flet untuk latihan nyanyian semerta.
5. Menyediakan satu siri latihan berbentuk rakaman audio yang dimuatkan ke dalam CD audio sebagai bahan bantu belajar kepada pelajar untuk mengiringi latihan-latihan yang terdapat di dalam modul.





1.6 Batasan Projek

Projek yang dicadangkan ini akan hanya memberi fokus kepada teknik latihan nyanyian semerta peringkat asas yang akan digunakan sebagai persediaan mempertingkatkan kemahiran nyanyian secara semerta. Penggunaan buku panduan dan rakaman CD audio akan hanya dikhususkan kepada pelajar PPISMP opsyen muzik pengajian 3 semester di Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia. Kandungan buku ini akan berpandukan sukatan pelajaran Pendidikan Muzik PPISMP pengajian 3 semester yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Respon dan maklum balas tentang produk yang dibangunkan akan diperolehi daripada 2 orang pensyarah muzik di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.



1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Modul pengajaran dan pembelajaran

- merujuk kepada satu bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk bercetak disertakan dengan bahan-bahan audio berbentuk latihan nyanyian dan langkah-langkah melaksanakannya.

1.7.2 Nyanyian semerta

- nyanyian melodi samada pendek atau panjang yang dibaca daripada skor bertulis secara solfa atau menyanyikan lirik lagu tanpa dibantu sebarang alat muzik berpic kecuali bagi mendapatkan nada lagu (key) sahaja.



1.7.3 Pelajar PPISMP

- pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang sedang dalam pengajian di kampus-kampus IPGKPM seluruh Malaysia bagi pengajian Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Tempoh pengajian mereka di IPG adalah selama 3 semester. Setelah tamat pengajian 3 semester, mereka yang diperakukan akan meneruskan pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) selama 8 semester di beberapa kampus IPG terpilih.

1.7.4 Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (IPGKPM)

- pusat latihan perguruan milik Kementerian Pelajaran Malaysia yang melatih bakal-bakal guru bagi menyediakan mereka menjadi guru terlatih di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. IPGKPM juga menyediakan khidmat melatih guru-guru dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru berkaitan ilmu pedagogi dan kandungan mata pelajaran melalui kursus-kursus pendek.

1.7.5 Guru muzik

- guru-guru lepasan IPGKPM (dan maktab/institut perguruan) opsyen Pendidikan Muzik yang sedang mengajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia.



1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya bab 1 ini menghuraikan latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, objektif projek, batasan projek dan definisi istilah. Penghasilan modul ini akan dapat membantu para pelajar jurusan Pendidikan Muzik menguasai nyanyian aural dan semerta agar lebih berkeyakinan dalam menyanyikan sebarang lagu dari mana-mana skor tanpa bantuan alat muzik.

